

10 OCT 2001

LIMA-Amerika (Begert)

AMERIKA BANGGA TERHADAP KEJAYAAN PENGANJURAN LIMA'01

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Amerika Syarikat menyatakan rasa bangganya terhadap kejayaan pameran Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA' 01) yang menurutnya tercapai dalam keadaan yang amat mencabar.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata perasaan bangga Amerika Syarikat terhadap kejayaan pameran LIMA'01 itu telah disuarakan oleh Panglima Tentera Udara Bagi Kawasan Pasifik, Gen William J. Begert ketika melakukan kunjungan hormat kepadanya.

"Dia berasa bangga dengan kejayaan LIMA'01, yang dianggapnya merupakan kejayaan yang besar di dalam keadaan yang mencabar," katanya kepada Bernama selepas menerima Begert di chalet Kementerian Pertahanan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini hari ini.

Kejayaan LIMA'01 itu katanya, mencerminkan imej baik negara dan menambah bahawa Begert turut memuji pasukan aerobatik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang beraksi pada pameran itu.

Begert menurutnya bangga kerana juruterbang TUDM berjaya melakukan beberapa formasi yang sukar dalam keadaan masa yang amat singkat.

Mengenai hubungan dua hala ketenteraan, Najib berkata Begert mahu kerjasama kedua-dua negara itu ditingkatkan pada masa depan.

Begert menurut Najib, juga menyatakan penghargaan negara itu terhadap pendirian teras Malaysia yang menentang sebarang bentuk kekerasan.

Mengenai sama ada kerjasama ketenteraan Amerika Syarikat-Malaysia akan ditingkatkan selepas serangan penganas di New York dan Washington pada 11 Sept lepas, Naib berkata ia tertakluk pada dasar luar yang telah disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Serangan di kedua-dua bandaraya Amerika Syarikat itu menyebabkan kira-kira 5,000 orang terkorban.

-- BERNAMA

MHI LAT